

**UCAPAN**  
**YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI**  
**SEMPENA MAJLIS PELANCARAN CENTER OF ECONOMIC DEVELOPMENT AND**  
**ETHNIC RELATION (CEDAER), DI UNIVERSITI MALAYA**  
**19 APRIL 1999**

-----

Assalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera

Tuan-tuan dan puan-puan

Terlebih dahulu saya ingin melafazkan rasa syukur kehadiran Allah subhanahu-wataala kerana dengan inayah dan limpah kurnianya kita dapat bersua muka dan bertegur sapa dalam majlis yang istimewa ini. Saya menganggap majlis ini istimewa bukan sahaja kerana ia diadakan oleh niat yang ikhlas dan mulia, tetapi bagi saya secara peribadi majlis ini menjadi lebih istimewa kerana ia diadakan di Kampus Universiti Malaya yang menjadi alma mater saya. Saya mempunyai kenangan-kenangan manis dan rasa nostalgia terhadap kampus ini. Disamping mengikuti kuliah atau pengajian akademik, di kampus ini jugalah saya memupuk idealisma dan menyuburkan harapan untuk melihat wujudnya suatu negara Malaysia yang maju dan membangun yang didiami oleh masyarakat berbilang kaum, berbilang etnik, yang makmur dan mewah serta hidup aman dan damai.

2. Saya percaya bahawa satu negara Malaysia yang maju dan membangun serta masyarakat berbilang etnik yang makmur dan damai itulah yang menjadi matlamat penubuhan center for economic development and ethnic relations atau CEDAER yang hendak kita lancarkan petang ini. Kerana itu amatlah sesuai, sempena pelancaran CEDAER ini diadakan pula seminar yang bertajuk pembangunan ekonomi dan perpaduan nasional: realiti, cabaran dan harapan. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Universiti Malaya kerana menubuhkan CEDAER dan menganjurkan seminar ini.

3. Penubuhan CEDAER atau Pusat Pembangunan Ekonomi dan hubungan etnik dan barangkali lebih sesuai jika singkatan bahasa inggerisnya disebut atau dibunyikan sedar - amatlah tepat dan sangatlah patut dialu-alukan. Sebagaimana disarankan oleh nama pusat ini, pembangunan ekonomi hendaklah senantiasa selari dan selaras dengan hubungan kaum yang penuh muhibbah, terutama di negara kita yang berbilang etnik ini. Pembangunan ekonomi yang jaya mestilah ibarat aur dengan tebing iaitu saling sokong menyokong dengan hubungan kaum yang harmonis dan penuh muhibbah itu. Untuk memastikan wujudnya pembangunan dan hubungan yang sedemikian, kajian-kajian akademik, perlulah digalakkan. Di samping keghairahan kita mengingini pembangunan dan kemewahan ekonomi, kita mestilah ingat bahawa hubungan yang sehat dan rasa muhibbah antara kaum adalah syarat utama untuk kejayaan pembangunan ekonomi. Jika kumpulan-kumpulan etnik hidup dalam keadaan bersengketa dan negara berada dalam keadaan huru-hara dan bercakar-cakar, bukan sahaja pembangunan ekonomi yang hebat-hebat tidak akan mungkin dilaksanakan, malah kegiatan-kegiatan ekonomi yang "routine" pun tidak akan dapat dilakukan. Kerana itulah dalam merancang dan melaksanakan pembangunan ekonomi kita perlu senantiasa memantau hubungan kaum atau etnik untuk memastikan suasana yang "conducive" tetap wujud dan keadilan sosial tetap terjamin. Dan untuk itu kajian dan penelitian terhadap pembangunan ekonomi dan hubungan kaum itu perlu dilakukan serentak, menggunakan pendekatan serampang

dua mata. Dalam konteks inilah saya melihat penubuhan center for economic development dan ethnic relation ini sangatlah relevant dan kena pada masanya. Malah, kalau boleh saya menggunakan bahasa inggeris bahawa, "the establishment of CEDAER is long overdue". Satu institusi atau pusat penyelidikan seperti ini sepatutnya telah wujud di negara kita ini sebaik sahaja kita mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 dahulu atau sebaik sahaja berlakunya peristiwa 13 mei tahun 1969 itu. Kerana itulah langkah Universiti Malaya menubuhkan CEDAER ini sangat patut dialu-alukan.

4. Saya difahamkan bahawa CEDAER bukan sahaja akan beroperasi pada peringkat kebangsaan, malah juga pada peringkat antarabangsa. Niat atau perancangan yang sedemikian sangatlah wajar, kerana ini menandakan bahawa pimpinan Universiti Malaya yang merancang kelahiran CEDAER ini bukan sahaja berpandangan jauh malah juga menyedari peri pentingnya jaringan kerja antarabangsa (international networking) dalam dunia yang dikatakan sudah mulai tidak mempunyai tepal batas atau 'borderless world' ini. Saya percaya di tempat- tempat lain di dunia ini sudah wujud institusi- institusi atau pusat-pusat penyelidikan yang mempunyai persamaan dengan CEDAER, umpamanya 'International Center for Ethnic Studies' (ICES) di Sri Langka dan Christian Michelse Institute (CMI) di Norway.

5. Saya gembira dan mengalu-alukan bahawa semenjak dari peringkat penubuhannya lagi CEDAER telah pun mengadakan "jaringan kerja" (networking) dengan CMI. Dalam hubungan ini saya merasa lebih gembira kerana tokoh yang mewakili CMI dalam jaringan kerja dengan CEDAER ini ialah Profesor Dr. Just Faaland dan Dr. Rais Saniman. Profesor Faaland dan Dr. Rais adalah dua orang tokoh yang terlibat secara langsung dalam penggubalan dasar ekonomi baru dibawah pimpinan allahyarham Tun Abdul Razak dalam tahun 1970 dahulu. Terlepas daripada perhitungan-perhitungan politik, Profesor Faaland telah memberikan hujah dan huraian intelektual yang bebas - independent intellectual justification - untuk penggubalan dan pelaksanaan DEB di awal dekad 1970an itu. Dan kemudian di awal dekad 1980an Prof. Faaland dan Dr. Rais telah terlibat pula dalam memberikan pandangan dan penilaian bebas mereka sewaktu kerajaan Malaysia mengadakan kajian separuh penggal terhadap DEB. Sehubungan dengan semuanya itu saya gembira dan mengalu-alukan penglibatan kedua tokoh tersebut dalam menjalin "international working" antara CEDAER dan CMI.

6. Namun begitu ini bukanlah bermakna bahawa CEDAER hanya akan membataskan "jaringan kerja" kepada CMI sahaja. Sebaliknya, langkah-langkah patutlah juga diambil untuk meneroka kemungkinan "networking" dengan pusat-pusat yang sama di Asia seperti ICES di Sri Langka dan tempat-tempat lain diserata dunia. Saya mencadangkan "jaringan kerja antarabangsa" ini kerana saya ingin melihat CEDAER muncul dan berkembang bukan sahaja di peringkat kebangsaan, tetapi juga sebagai satu pusat penyelidikan bertaraf antarabangsa dan menjadi sumber rujukan utama di serata dunia untuk perkara-perkara yang berkaitan dengan pembangunan ekonomi dan hubungan etnik.

7. Di samping itu kita juga berharap supaya CEDAER bukan sahaja berfungsi sebagai satu pusat penyelidikan yang semata-mata bersifat 'academic' tetapi diharap akan berkembang menjadi satu "think-tank" yang dapat mengemukakan input-input tambahan dalam proses penggubalan dasar untuk kejayaan pembangunan ekonomi dan keharmonian hubungan kaum baik di Malaysia dan begitu juga di serata dunia. Semoga dengan demikian CEDAER akan muncul sebagai salah satu pusat kecemerlangan di Malaysia yang bertaraf antarabangsa. Kalau boleh saya gunakan

bahasa Inggeris, biarlah CEDAER menjadi "a center of excellence of a global standing".

8. Cadangan saya supaya CEDAER muncul dan berkembang menjadi pusat kecemerlangan yang mempunyai "global standing" adalah satu cadangan yang cukup realistik. Dari segi pengalaman membangunkan ekonomi dan mewujudkan kehidupan yang rukun dan damai antara etnik, setakat ini Malaysia telah mencapai kejayaan yang membanggakan. Semenjak kita mencapai kemerdekaan lebih 40 tahun yang lalu, ekonomi kita telah tumbuh berkembang dengan pesatnya, sehingga disuatu masa tidak berapa lama yang lalu pencapaian ekonomi kita itu telah dipanggil sebagai satu `miracle'. Kejayaan kita itu dikagumi oleh negara-negara yang sedang membangun di serata dunia dan kita telah menjadi contoh dan tauladan.

9. Demikian pula halnya dengan kehidupan atau hubungan antara etnik di negara kita ini. Kecuali peristiwa 13 Mei 1969 yang merupakan satu titik hitam dalam sejarah hubungan kaum, negara kita tetap dikenal sebagai satu masyarakat majmuk yang hidup dalam keadaan rukun dan damai. Pelbagai golongan kaum dan kelas di Malaysia ini telah dapat menjalin hubungan kerjasama yang saling menguntungkan dan bebas dari sebarang sengketa yang merugikan. Ertinya dari segi pengalaman, kita dapat membanggakan kejayaan kita di bidang pembangunan ekonomi dan hubungan etnik semenjak negara mencapai kemerdekaan.

10. Namun demikian kita tidak semestinya leka atau `take things for granted'. Sebagaimana kita alami semenjak setahun dua yang lalu hasil kejayaan pertumbuhan dan pembangunan ekonomi kita yang sangat pesat semenjak sepanjang lebih satu dekad telah mengalami kemerosotan dan keterhakisannya yang sebelumnya tidak kita sangka sama sekali. Demikian pula halnya keamanan negara dan kerukunan hidup antara kaum yang kita nikmati selama ini boleh musnah sekelip mata jika kita tidak berusaha menjaga dan mempertahankannya. Ertinya kita tidak boleh menganggap bahawa berbagai kejayaan yang kita nikmati di bidang pembangunan ekonomi dan kerukunan hidup antara etnik itu akan berkekalan dan berterusan tanpa kita meningkatkan usaha dan inisiatif yang sungguh-sungguh untuk memelihara dan memupuknya. Pemantauan terhadap apa yang telah, dan sedang, berlaku dibidang pembangunan ekonomi dan hubungan etnik itu mestilah sentiasa dilakukan. Dan serentak dengan pemantauan itu perancangan untuk menghadapi masa depan yang semakin mencabar itu juga ditingkatkan. Dalam hubungan inilah saya melihat CEDAER dapat memainkan peranannya yang bermakna dan berguna. Ertinya pengalaman-pengalaman praktikal kita di bidang pembangunan ekonomi dan hubungan etnik patutlah direnong dan ditinjau serta diteliti dan secara ilmiah oleh CEDAER. Dan berdasarkan hasil penelitian ilmiah terhadap pengalaman praktikal kita itu CEDAER dapat pula membuat projeksi dan cadangan- cadangan untuk masa depan.

11. Sebagai satu pusat penyelidikan sains sosial, di samping memantau keadaan semasa dan meramal atau memprojeaksikan masa hadapan, CEDAER patut pula merenung dan meninjau masa lalu untuk menimba pengajaran dan iktibar. Seperti saya katakan tadi, masa lalu Malaysia di bidang pembangunan ekonomi dan hubungan etnik adalah masa lalu yang berjaya dan dapat dijadikan tauladan. Soalan yang patut kita tanyakan dalam hubungan ini ialah apakah rahsia kejayaan kita itu?.

12. Apakah strategi dan mekanisme yang kita gunakan hingga membawa kejayaan itu? Apakah falsafah dan pedoman yang kita jadikan panduan dalam merumus dan menggubal sesuatu dasar atau polisi di masa lalu? Jawapan yang tepat terhadap soalan-soalan sedemikian akan memberi kita pengajaran dan iktibar serta pedoman dan panduan untuk merancang masa hadapan dan meningkatkan lagi pelbagai kejayaan yang telah kita capai itu. Sehubungan dengan semuanya itu saya ingin menarik perhatian tuan-tuan dan puan-puan sekalian terhadap dasar ekonomi baru yang telah menjadi falsafah dan pedoman pembangunan kita selama 20 tahun, antara tahun 1970 dan 1990. Dan berhubung rapat dengan dasar ekonomi baru itu ialah kerajaan barisan nasional yang telah merumuskan pelbagai dasar, merangka pelbagai strategi serta mewujudkan pelbagai mekanisma untuk memastikan kejayaan pembangunan ekonomi dan kerukunan hidup antara kaum.

13. Dasar ekonomi baru sebagai satu dasar atau formula yang inovatif dan berpandangan jauh serta barisan nasional sebagai satu jentera penggerak yang mempunyai hikmah dan kebijaksanaan serta azam politik, patutlah menjadi salah satu tumpuan kajian ilmiah, sistematik dan objektif dalam usaha kita mencari rahsia disebalik kejayaan negara kita di bidang pembangunan ekonomi dan hubungan etnik. Sekali lagi saya meletakkan harapan kepada CEDAER untuk memikul tanggungjawab mencungkil dan menghuraikan rahsia kejayaan itu.

Tuan-tuan dan puan-puan,

14. Bercakap mengenai dasar ekonomi baru, saya ingin merujuk kepada istilah atau ungkapan yang popular sekarang iaitu "win-win situation" dan "smart partnership" (perkongsian bijak). Walaupun terdapat pihak-pihak yang memomok-momokkan DEB, namun tidak ada siapa yang dapat menafikan bahawa DEB telah membawa keamanan dan kemakmuran kepada negara dan rakyat Malaysia. DEB telah berjaya menggerakkan jentera pertumbuhan ekonomi dan sekaligus telah berjaya pula merumuskan satu formula untuk pengagihan sumber atau "distribution of resources" yang adil dan saksama. Dua objektif utama DEB, iaitu membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat adalah dua objektif yang tidak boleh dipertikaikan oleh orang yang berfikiran waras. DEB adalah satu usaha kejuruteraan sosial (social engineering efforts) yang pernah berjaya dalam sejarah dunia. Sistem komunis di negara Soviet Rusia dahulu gagal membawa kesamarataan kerana ia mengamalkan konsep atau kaedah "levelling down" iaitu mengurangkan pemilikan orang-orang berada. Manakala DEB mengamalkan konsep atau kaedah "levelling up" iaitu menaikkan kedudukan atau menambah pemilikan orang-orang miskin atau orang-orang kurang berada. Sementara kedudukan sosio-ekonomi bumiputera jauh bertambah baik dengan pelaksanaan DEB, kedudukan ekonomi orang cina juga meningkat terutama dari segi nilai sebenar pemilikan harta mereka. Dari segi peratusnya sering peningkatan pemilikan harta masyarakat bumiputera kononnya lebih banyak, tetapi dari segi jumlah mutlaknya (absolute quantum) kekayaan orang-orang cina juga meningkat banyak jika dibandingkan dengan kedudukan mereka sebelum DEB.

15. Namun demikian masih ada setengah-setengah pihak yang memomok-momokkan DEB. Oleh kerana itu saya ingin mencadangkan supaya pelbagai aspek tentang DEB ini dijadikan sebagai objek penyelidikan yang objektif dan menyeluruh oleh CEDAER. Generasi semasa dan yang akan datang patutlah diberi maklumat dan kefahaman yang menyeluruh tentang DEB, tentang latarbelakang sejarah kemunculannya, proses penggubalannya, perkara-perkara yang mendorong dan menghalang pelaksanaan serta kadar pencapaiannya. Antara yang patut diingat

dalam hubungan ini ialah bahawa DEB bukan sahaja telah mengurangkan kadar kemiskinan dan secara amnya telah meningkatkan kadar pertumbuhan, tetapi yang tidak kurang pentingnya DEB telah dapat pula mewujudkan keamanan dan kestabilan. Semua itu berlaku berkat kebijaksanaan dan keberanian satu gaya pemerintahan dan kepimpinan politik yang telah berjaya menseimbangkan unsur-unsur idealisma dan pragmatisma dan lebih berjaya pula menampung permintaan dan tuntutan yang bertentangan dan berbeza-beda dari berbagai-bagai kumpulan etnik.

16. Bila bercakap mengenai satu gaya pemerintahan dan kepimpinan politik yang berani dan bijaksana dan hubungannya dengan DEB, kita tidak dapat mengelak daripada merujuk kepada barisan nasional. Sesungguhnya barisan nasional adalah satu contoh "win-win relationship" atau smart partnership yang wujud antara kumpulan-kumpulan etnik utama di Malaysia ini. Seperti sedia dimaklumi, di peringkat awalnya barisan nasional dikenal dengan panggilan perikatan terdiri dari gabungan tiga buah parti politik, umno, mca dan mic yang masing-masing mewakili kumpulan etnik melayu, cina dan india. Tradisi "smart partnership" yang dimulakan oleh gabungan tiga parti politik yang di panggil perikatan itu, kemudian dilanjutkan oleh barisan nasional yang bukan sahaja mengandungi bilangan parti- parti politik yang lebih banyak tetapi juga telah semakin matang dengan pengalaman-pengalaman yang dihimpunkan semenjak bertahun-tahun. Barisan nasional bernasib kerana sentiasa mendapat sokongan rakyat jelata disamping mempunyai barisan kepimpinan yang peka dan pragmatik yang mempunyai kebolehan menyesuaikan diri dengan masa dan keadaan. Dan disamping itu barisan nasional juga diberkati oleh barisan kepimpinan yang mempunyai idealisma dan wawasan yang penuh hikmah dan bijaksana disamping mempunyai azam politik yang kuat dan tahan uji. Semuanya itu adalah antara rahsia kejayaan Malaysia meningkatkan kemajuan ekonomi dan mewujudkan keharmonian kaum semenjak setengah abad yang lalu.

17. Di samping memanggilnya sebagai perkongsian bijak atau smart partnership formula barisan nasional bolehlah dianggap sebagai satu formula perkongsian kuasa antara kumpulan-kumpulan etnik yang telah mewujudkan satu kestabilan politik dan ketenteraman sosial yang telah memungkinkan dilaksanakannya pelbagai rancangan ekonomi secara besar-besaran. Perkongsian politik tersebut setakat ini telah dapat membuah hasil yang menjadi hajat setiap pihak iaitu ketenteraman, dan keamanan yang menjadi prasyarat untuk pembangunan ekonomi. Tetapi kita mestilah ingat bahawa perkongsian kuasa tersebut tidak akan dapat menjamin ketenteraman sepanjang masa tanpa wujudnya perkongsian sumber kekayaan. Melalui DEB pimpinan negara sepanjang dekat 70an dan 80an telah dapat mengimbangi formula perkongsian politik dan kekuasaan itu dengan formula perkongsian ekonomi dan sumber kekayaan. Tetapi dengan perubahan sosial dalam negara yang semakin pesat dan perubahan di arena antarabangsa yang tidak kurang pesatnya ada beberapa aspek dari formula tersebut yang barangkali perlu dikaji semula. Namun begitu walau apa pun bentuk kajian semula terhadap DEB itu, yang wajib sentiasa diingat ialah bahawa semangat dan cita-cita DEB untuk membasmi kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat itu hendaklah terus dikekalkan. Oleh kerana itu yang patut dikaji semula itu bukanlah matlamatnya tetapi sebaliknya ialah kaedah, strategi dan mekanisma serta cara-cara pelaksanaan yang berkesan untuk mencapai matlamat dan pendekatan serampang dua mata yang sering dihubungkan dengan DEB itu, walaupun pendekatan DEB itu sekarang telah diserapkan dalam Dasar Pembangunan Nasional (DPN). Kita yakin inilah syarat yang utama bagi kita mencapai wawasan 2020 yang menjadi hasrat dan impian kita bersama. Semoga CEDAER akan memberikan sumbangan yang berkesan dan

bermakna dalam menghidupkan terus semangat dan cita-cita DEB dalam menjayakan pelaksanaan dpn sekarang serta dalam mengejar hasrat wawasan 2020 yang kita cita-citakan itu.

18. Dengan lafaz bismillahirrahmanirrahim saya merasmikan penubuhan Center For Economic Development and Ethnic Relations - (sedar).

Terima kasih.